LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
Malaysian Palm Oil Board
Kementerian Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :
Ruj. Kami / Our Ref. : 03/C/ITS/INT/09(58-25)

18 Ogos 2025

Pemakluman Berkenaan Produk Keluaran Sawit Bagi Pengeskportan Bungkil Isirung Sawit / *Palm Kernel Cake*

Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN BERKENAAN NAMA PRODUK BUNGKIL ISIRUNG SAWIT BAGI TUJUAN EKSPORT KE REPUBLIK RAKYAT CHINA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

Dimaklumkan bahawa bermula 1 Julai 2025, pihak Pentadbiran Am Kastam Republik Rakyat China (GACC) hanya akan menerima dan mengiktiraf nama produk "Palm Kernel Cake (PKC)" bagi semua penghantaran bungkil isirung sawit ke negara tersebut. Di China, Palm Kernel Expeller (PKE) adalah dirujuk sebagai Palm Kernel Cake (PKC) (棕榈粕 dalam bahasa Mandarin).

2. Penetapan ini adalah selaras dengan nama produk bungkil isirung sawit yang didaftarkan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005.

3. Sehubungan dengan itu, semua pengeksport **DIWAJIBKAN** untuk menggunakan nama **"Palm Kernel Cake (PKC)"** secara konsisten dalam semua dokumen eksport ke Republik Rakyat China bagi mengelakkan risiko penghantaran ditolak oleh pihak berkuasa negara tersebut.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah

QUALITY SYSTEM
SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02602

PIPOC 2025
18 - 20 November 2025
Kuala Lumpur Convention Centre